



MATLAMAT 1: KESEJAHTERAAN RAKYAT

<ul style="list-style-type: none">• Strategi 1: Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam (RM4.02b)• Strategi 2: Memelihara kebajikan golongan rentan<ul style="list-style-type: none">○ Langkah 1: Penambahbaikan Bantuan Kewangan○ Langkah 2: Meringankan Beban Hidup Rakyat○ Langkah 3: Bantuan kepada Petani, Peladang dan Nelayan• Strategi 3: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan<ul style="list-style-type: none">○ Langkah 1: Insentif PenjanaKerjaya○ Langkah 2: Reskilling & Upskilling○ Langkah 3: Malaysia Short Term Employment Programme (MYSTEP)○ Langkah 4: Program Subsidi Upah Bersasar○ Langkah 5: Perlindungan Sosial	<ul style="list-style-type: none">• Strategi 4: Mengutamakan Agenda Keterangkuman<ul style="list-style-type: none">○ Langkah 1: Pemeraksanaan Bumiputera○ Langkah 2: Memartabatkan Syiar Islam○ Langkah 3: Memperkasa Golongan Wanita○ Langkah 4: Tumpuan Mengikut Komuniti○ Langkah 5: Penambahbaikan Infrastruktur Luar Bandar○ Langkah 6: Pembangunan Belia dan Sukan• Strategi 5: Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat<ul style="list-style-type: none">○ Langkah 1: Kesalinghubungan Digital○ Langkah 2: Akses Kepada Pendidikan Berkualiti○ Langkah 3: Meningkatkan Pemilikan Rumah○ Langkah 4: Kemudahan Pengangkutan○ Langkah 5: Pertahanan Negara dan Ketenteraman Awam
--	---

MATLAMAT 2: KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

<ul style="list-style-type: none"> ● Strategi 1: Memacu Pelaburan <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Pelaburan Dalam Sektor Utama</u> ○ <u>Langkah 2: Penambahbaikan Persekitaran Perniagaan</u> ○ <u>Langkah 3: Inisiatif Sains, Teknologi dan Inovasi</u> ○ <u>Langkah 4: Barangan Buatan Tempatan</u> ● Strategi 2: Memperkukuhkan Sektor-sektor Tumpuan <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Pemerkasaan Sektor Pertanian</u> ○ <u>Langkah 2: Pembangunan Sektor Komoditi</u> ○ <u>Langkah 3: Kelangsungan Industri Pelancongan</u> 	<ul style="list-style-type: none"> ● Strategi 3: Mengutamakan Automasi dan Pendigitalan <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Skim Transformasi Pendigitalan Industri</u> ○ <u>Skim Geran Pendigitalan SME dan Geran Automasi.</u> ● Strategi 4: Memudah Akses Perniagaan <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Pembiayaan Kredit Mikro</u> ○ <u>Langkah 2: Jaminan Pinjaman</u> ○ <u>Langkah 3: Pembiayaan Alternatif</u>
--	--

MATLAMAT 3: KETAHANAN EKONOMI

<ul style="list-style-type: none"> ● Strategi 1: Belanjawan Pengembangan <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Perbelanjaan dengan Pengganda Tinggi</u> ○ <u>Langkah 2: Kemampuan Hasil Kerajaan</u> ● Strategi 2: Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan</u> ○ <u>Langkah 2: Keseimbangan Pembangunan Antara Wilayah</u> ● Strategi 3: Memperkasa Peranan GLC dan Masyarakat Sipil <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Penyampaian Perkhidmatan Alternatif</u> 	<ul style="list-style-type: none"> ● Strategi 4: Menjamin Kelestarian Sumber <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Agenda Matlamat Pembangunan Lestari</u> ○ <u>Langkah 2: Kewangan Lestari</u> ○ <u>Langkah 3: Pemuliharaan Alam Sekitar</u> ● Strategi 5: Perkhidmatan Awam <ul style="list-style-type: none"> ○ <u>Langkah 1: Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Awam</u> ○ <u>Langkah 2: Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti di Malaysia</u> ○ <u>Langkah 3: Kebajikan Penjawat Awam</u>
---	--

MATLAMAT 1: KESEJAHTERAAN RAKYAT

Matlamat 1, Strategi 1: Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam (RM4.02b)

- Meningkatkan siling Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM45 bilion kepada **RM65 bilion**.
- **Menambah peruntukan membendung gelombang ketiga COVID-19 bagi tahun hadapan (RM1 bilion):**
 - Bekalan reagen, kit saringan dan bahan guna habis di makmal perubatan KKM (**RM475 juta**);
 - Penyediaan peralatan PPE dan hand sanitiser kepada petugas barisan hadapan (**RM318 juta**);
 - Peruntukan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (**RM150 juta**);
 - Perolehan peralatan, bekalan ujian makmal dan ubat-ubatan di Hospital Pengajar Universiti (RM50 juta); dan
 - Penambahan peralatan pengoperasian fasiliti pergigian, perkhidmatan klinik secara maya serta penyediaan fasiliti zon saringan dan termometer di kemudahan kesihatan bagi memenuhi SOP norma baharu.
- Pemberian one-off sebanyak **RM500 kepada anggota barisan hadapan**.
- Penyertaan ke dalam program **COVID-19 Vaccine Global Access** atau **COVAX** dan komitmen untuk menyediakan vaksin untuk memenuhi keperluan rakyat (**RM3 bilion**).
- Meluaskan **skop pelepasan cukai** bagi perbelanjaan rawatan perubatan meliputi perbelanjaan vaksinasi seperti pneumokokal, influenza serta COVID-19 ke atas perbelanjaan vaksinasi bagi diri sendiri, pasangan dan anak-anak terhad kepada **RM1,000**.
- Had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan penyakit serius diri, pasangan dan anak dinaikkan daripada **RM6000 kepada RM8000**.
 - Had perbelanjaan pemeriksaan penuh dan perbelanjaan vaksinasi masing-masing ditingkatkan dari RM500 kepada RM1,000.
- **Had pelepasan cukai** ke atas perbelanjaan bagi rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa juga dinaikkan dari RM5,000 kepada RM8,000.
- **Program Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan dan Kecederaan serta Penyalahgunaan Substans (RM24 juta)**.
- **Memperluas perlindungan mySalam** ke atas tuntutan kos peranti perubatan seperti stent untuk jantung atau prosthesis.

- **Program Baucar Perlindungan Tenang** khusus kepada golongan B40.
 - Baucar RM50 sebagai bantuan kewangan untuk membeli produk Perlindungan Tenang termasuk takaful hayat dan kemalangan diri.
 - Lanjutan tempoh pengecualian duti setem ke atas semua produk Perlindungan Tenang dengan sumbangan tahunan tidak melebihi RM100 untuk tempoh 5 tahun lagi sehingga tahun taksiran 2025.
- Program imunisasi pneumokokal untuk kanak-kanak (**RM90 juta**).
- Menyediakan ubat biologik khusus pesakit rheumatoid arthritis (RM6 juta).
- Program rawatan *Peritoneal Dialysis* di rumah (RM25 juta).

Matlamat 1, Strategi 2: Memelihara kebajikan golongan rentan

Langkah 1 : Penambahbaikan Bantuan Kewangan

- **Menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan seperti berikut (RM2.2 bilion):**
 - Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dinaikkan daripada RM250 kepada RM300;
 - Kadar Bantuan Warga Emas dan Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500;
 - Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450; dan
 - Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dinaikkan daripada (RM100, 1 anak, maksimum RM450 sekeluarga) kepada (RM150, 1 anak berumur 7 tahun - 18 tahun atau RM200, 1 anak berumur <6 tahun dengan maksimum RM1,000 sekeluarga).
- **Bantuan Prihatin Rakyat dengan kadar bantuan dan kategori pendapatan seperti berikut (RM6.5 bilion):**
 - Pendapatan isi rumah bulanan <RM2,500;
 - (≤1 anak) terima RM1,200; dan
 - (≥2 anak) terima RM1,800;

- Pendapatan isi rumah bulanan RM2,501 - RM4,000;
 - (≤ 1 anak) terima RM800;
 - (≥ 2 anak) terima RM 1,200;

- Pendapatan isi rumah bulanan RM4,001 – RM5,000;
 - (≤ 1 anak) terima RM500; dan
 - (≥ 2 anak) terima RM750; dan

- Individu bujang berpendapatan <RM2,500 terima RM350. Had umur kelayakan individu bujang mulai 21 tahun berbanding syarat sebelum ini 40 tahun.

- **Program Jaringan Prihatin (RM1.5 bilion):**

- lebih kurang 8 juta individu dari golongan B40 akan menerima bantuan RM180 seorang dalam bentuk kredit telekomunikasi.
- syarikat-syarikat telekomunikasi akan menyediakan RM1.5 bilion dalam bentuk data percuma sebagai dana padanan kepada sumbangan Kerajaan.

- **Langkah 2: Meringankan Beban Hidup Rakyat (RM4.2 bilion)**

- Penurunan kadar cukai pendapatan sebanyak 1 mata%an bagi banjaran pendapatan bercukai 50,001 hingga 70,000 ringgit. (RM262 juta).
 - Menambah baik Bantuan Pembayaran Sasaran seperti berikut:
 - Peminjam kategori B40 / perusahaan mikro (Pinjaman < RM150 ribu) diberi pilihan :
 - Opsyen 1 : Menangguhkan ansuran bulanan selama 3 bulan; atau
 - Opsyen 2 : Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan.
- Peminjam yang layak hanya perlu menghubungi pihak bank untuk membuat pilihan opsyen dan menyempurnakan dokumentasi.

Peminjam dari golongan M40, proses permohonan bantuan bayaran balik pinjaman akan dipermudahkan. Peminjam hanya perlu membuat pengisytiharan sendiri (*self-declaration*).

- Pengurangan kadar caruman minimum KWSP pekerja dari 11 kepada 9% mulai Januari 2021 untuk tempoh 12 bulan (RM9.3 bilion).
- Pengeluaran simpanan KWSP Akaun 1 secara bersasar bagi ahli yang kehilangan pekerjaan (RM4 bilion):
 - Pengeluaran RM500 sebulan sehingga RM6,000 untuk 12 bulan.
- Pelanjutan Sistem Insurans Pekerjaan (RM150 juta).
 - Tempoh Elaun Mencari Kerja akan dilanjutkan selama tiga bulan; dan
 - Kadar layak menuntut :
 - Bulan pertama : 80% gaji
 - Bulan kedua hingga keenam : 50% gaji; dan
 - Tiga bulan terakhir : 30% gaji.
- Had pengecualian cukai pendapatan bagi bayaran pampasan atas kehilangan pekerjaan akan dinaikkan daripada 10 ribu kepada 20 ribu ringgit setiap tahun genap perkhidmatan bagi tempoh 2 tahun taksiran.
- Subsidi, bantuan dan insentif (RM28 bilion).
- Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming (RM200 juta).

Meluaskan pelaksanaan ke 34 kawasan baharu antaranya di Pulau Sakar di Sabah dan Ulu Mujok di Sarawak. (Barangan asas: Beras, gula, tepung, minyak masak, gas LPG, petrol RON 95 dan diesel).

Langkah 3: Bantuan kepada Petani, Peladang dan Nelayan

- Meningkatkan Insentif Pengeluaran Getah daripada RM150 juta kepada RM300 juta.
- Subsidi harga padi (RM570 juta).
- Subsidi dan insentif tanaman padi (RM960 juta).
 - Subsidi baja padi bukit diperkenalkan semula (RM40 juta).
- Elaun sara hidup nelayan dinaikkan dari RM250 kepada RM300 sebulan.
- Menghapus faedah hutang kebun peneroka FELDA (RM400 juta).

Matlamat 1 Strategi 3: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan

Langkah 1: Insentif PenjanaKerjaya

- PenjanaKerjaya (RM2 bilion)
 - Insentif untuk pekerja bergaji RM1,500 ke atas akan dinaikkan daripada kadar rata RM800 sebulan, kepada 40% daripada gaji bulanan, terhad kepada gaji maksimum RM4000 ringgit (Tempoh: 6 bulan);
 - Insentif tambahan sebanyak 20% daripada gaji bulanan pekerja diberikan kepada majikan yang mengambil pekerja OKU, penganggur jangka panjang dan pekerja yang diberhentikan (Tempoh : 6 bulan); dan
 - Sektor kebergantungan tinggi kepada pekerja asing pembinaan dan perladangan, Insentif sebanyak 60% daripada gaji bulanan disediakan dengan 40% kepada majikan dan 20% kepada pekerja tempatan yang menggantikan pekerja asing (Tempoh : 6 bulan).
 - Kadar maksimum program latihan yang layak dituntut majikan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM7,000 bagi menjalani program kemahiran tinggi atau sijil profesional.
 - **Majlis Pekerjaan Negara**
 Menyelaras pelbagai inisiatif merentas Kementerian dan agensi dalam mencipta peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran dan latihan pekerja. Agensi LAKSANA bertanggungjawab memantau keberkesanan segala inisiatif.

Langkah 2: Reskilling & Upskilling

- Program peningkatan kemahiran dan latihan semula berjumlah RM1 bilion untuk 200,000 pelatih seperti berikut:
 - Program KPT-PACE (Graduan baharu ditawarkan baucar bernilai RM3,000 bagi kursus sijil professional di universiti awam dan swasta. (RM150 juta);
 - HRDF melaksanakan program latihan dan kerja secara usahasama dengan majikan swasta (RM100 juta);
 - MDEC untuk memudahkan peralihan bakat tenaga kerja sedia ada bagi mengisi keperluan dalam industri ICT (RM100 juta);
 - Pihak berkuasa pembangunan wilayah terutamanya IRDA dan SEDIA untuk melengkapkan kemahiran baharu kepada tenaga kerja yang terjejas teruk akibat penutupan sempadan. (RM 100 juta);
 - PERHEBAT untuk program latihan kemahiran dan keusahawanan yang dijangka memanfaatkan veteran Angkatan Tentera Malaysia (RM30 juta).
- Skop pelepasan cukai yuran pengajian akan diperluas meliputi perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran oleh badan-badan bertauliah, terhadap RM1,000 bagi setiap tahun taksiran.

Langkah 3: Malaysia Short Term Employment Programme (MYSTEP)

- Menawarkan 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC bermula Januari 2021 seperti berikut (RM700 juta):
 - 35 ribu peluang pekerjaan dalam sektor awam; dan
 - 15 ribu peluang pekerjaan yang mengutamakan bidang teknikal dan kewangan serta turut dipanjangkan kepada graduan untuk menyertai program perantisan di GLC.

Langkah 4: Program Subsidi Upah Bersasar

- Pelanjutan Program Subsidi Upah bersasar selama tiga bulan lagi khusus bagi sektor pelancongan dan peruncitan seperti berikut (RM1.5 bilion):
 - Kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4000 ke bawah; dan
 - Had 200 pekerja bagi setiap permohonan akan ditingkatkan kepada 500 pekerja.

Langkah 5: Perlindungan Sosial

- Pengeluaran simpanan Akaun 2 KWSP untuk membeli produk perlindungan insurans dan takaful hayat dan penyakit kritikal yang diluluskan oleh KWSP.
- Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 ke atas caruman dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025.

- Caruman Skim Bencana Pekerjaan PERKESO (RM24 juta) kepada:
 - Anggota Pasukan Sukarelawan Angkatan Tentera, Sukarelawan Simpanan Polis, Sukarelawan Pertahanan Awam Malaysia, dan Sukarelawan Maritim Malaysia;
 - Guru takmir, imam, bilal, siak, noja, dan merbut;
 - Pekerja sektor awam berstatus *Contract for Service*; dan
 - *Delivery riders*

Matlamat 1 Strategi 4: Mengutamakan Agenda Keterangkuman

Langkah 1: Pemerksaan Bumiputera

- Akses pendidikan yang berkualiti kepada institusi Bumiputera seperti MARA dan UiTM (RM6.5 bilion) pendigitalan pembelajaran TVET dan menaik taraf program peringkat sijil ke diploma.
 - Pinjaman mikro untuk memperkasa usahawan Bumiputera (RM4.6 bilion) seperti berikut:
 - PKS dan PKS mikro Bumiputera melalui TEKUN dan PUNB (RM510 juta);
 - Program peningkatan keupayaan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan SME Bank (RM800 juta);
 - Pembiayaan PKS Bumiputera melalui syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan, SJPP (RM2 bilion); dan
 - Program peningkatan kapasiti termasuk pembangunan profesional, Dana Kemakmuran Bumiputera serta program atau projek khusus untuk Bumiputera (RM1.3 bilion).
- Mengoptimumkan nilai pegangan Bumiputera di sektor hartanah terutama bagi pembangunan komersial atas tanah rizab Melayu (RM750 juta).

Langkah 2: Memartabatkan Syiar Islam

- Pembangunan Hal Ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (RM1.4 bilion).
- Memperkasa pengurusan wakaf melalui kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, GLC dan syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC). Pelan Induk Wakaf Nasional akan diwujudkan.

- PNB melalui Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) memperkenalkan perkhidmatan wakaf kepada semua pemegang unit amanah saham ASNB.
 - Pemegang unit boleh mewakafkan sebahagian unit ke dalam tabung wakaf ASNB.
 - Potongan cukai pendapatan kepada penyumbang.
- Kadar elaun Guru Takmir dinaikkan daripada RM800 kepada RM900.
- Bantuan Khas Kewangan RM500 kepada para Imam, Bilal, Siak, Noja, Merbut, Guru Takmir dan Guru Kafa.

Langkah 3: Memperkasa Golongan Wanita

- Pembiayaan mikro kredit khas disediakan melalui TEKUN, MARA dan AgroBank (RM95 juta).
- Program Ar-Rahnu BizNita, YaPEIM (RM50 juta).
 - Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro atau BizMe.
- Menyediakan Pusat Sokongan Sosial Setempat dengan kerjasama NGO (RM21 juta).
- Menyediakan taska di bangunan-bangunan Kerajaan terutamanya hospital (RM30 juta).
- Geran padanan bagi tujuan menggalakkan sektor swasta menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di premis. (RM20 juta).
- Program saringan kanser serviks dan insentif subsidi ujian mamogram kepada wanita berisiko tinggi mendapat kanser payudara (RM10 juta).

Langkah 4: Tumpuan Mengikut Komuniti

- Program pembaikan fasiliti pendidikan, rumah dan kemajuan Kampung Baru, serta pembiayaan perniagaan komuniti Cina melalui BSN (RM177 juta).
- Unit transformasi Masyarakat India, MITRA (RM100 juta).
- Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India, SPUMI oleh TEKUN Nasional (RM20 juta).

- Pembangunan usahawan bagi komuniti lain (RM5 juta).
- Menaikkan Geran Kawasan Rukun Tetangga daripada RM4,800 kepada RM6,000 setiap KRT (RM50 juta).
- Pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil kepada rumah-rumah ibadat di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan merangkumi pelaksanaan program perpaduan dengan kerjasama Pengurusan rumah ibadat dan komuniti setempat (RM50 juta).
- Program Pembangunan Insan MyPRIDE oleh Jabatan Penjara Malaysia (RM20 juta).
- Potongan cukai tambahan kepada majikan yang menggaji golongan bekas banduan dan bekas penagih dadah dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025.
- Program kesenian dan kebudayaan Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya atau CENDANA untuk penggiat seni dan petugas belakang tabir (RM15 juta).
- Kesejahteraan komuniti Orang Asli (RM158 juta)
 - Program bantuan sosial.
 - Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli
 - Membangunkan infrastruktur seperti jalan perhubungan
 - Pembinaan 14 buah tabika baharu di Pos Slim Sungai Kinta, Perak dan Pos Sungai Kelai Jempol, Negeri Sembilan.
- Kerja-kerja ukur tanah untuk penandaan sempadan di 21 perkampungan Orang Asli (RM5 juta).
- Program *Native Customary Rights* di Sabah dan Sarawak (RM41 juta).
- Program Khidmat Bantu di Rumah warga emas dan OKU:
 - Menaikkan saguehati sukarelawan daripada RM150 kepada maksimum RM400 dan nilai saguehati kepada klien turut dinaikkan daripada RM30 kepada RM80.
- Had pelepasan cukai bagi pasangan OKU dinaikkan daripada RM3,500 kepada RM5,000:
 - Penyelia dan petugas di bawah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti. Kadar petugas dinaikkan dari RM800 kepada RM1,200 sebulan (RM100 juta); dan
 - Kadar penyelia dinaikkan dari RM1,200 ke RM1,500 sebulan.

- Bantuan kewangan tahunan bagi pengoperasian Pusat Aktiviti Warga Emas kendalian NGO daripada RM33,000 kepada RM50,000.
- Potongan cukai tambahan akan diberikan kepada majikan yang menggaji warga emas dilanjutkan sehingga tahun 2025.
- Program pendidikan awal kanak-kanak oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat, KEMAS (RM170 juta).
 - Bantuan Makanan Tambahan;
 - Bantuan Per Kapita; dan
 - Penyelenggaraan dan pembaikan Tabika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak, TASKA.
- Pusat Komuniti dengan kerjasama NGO untuk menyediakan tempat jagaan kepada anak-anak selepas tamat sesi persekolahan (RM20 juta).

Langkah 5: Penambahbaikan Infrastruktur Luar Bandar

- Program dan projek penambahbaikan infrastruktur luar bandar (RM2.7 bilion):
 - Projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa sepanjang 920km (RM1.3 bilion);
 - Bekalan air luar bandar dan bekalan air alternatif (RM632 juta);
 - Bekalan elektrik luar bandar (RM250 juta);
 - Program Bantuan Rumah kepada golongan miskin iaitu membina rumah baharu dan membaik pulih rumah (RM355 juta); dan
 - Memasang 27 ribu unit lampu serta menanggung kos operasi dan penyelenggaraan 500 ribu unit Lampu Jalan Kampung (RM121 juta).
- Memperluas perkhidmatan bank bergerak di negeri Sabah dan Sarawak.
 - Menaikkan sehingga 20% atau RM50 juta, yang mana lebih rendah, had kelayakan penggunaan dana di bawah Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia atau MARRIS.

Langkah 6: Pembangunan Belia dan Sukan

- Program perantisan (RM250 juta):
 - Insentif kepada majikan swasta sebanyak RM1,000 sebulan sehingga 3 bulan bagi setiap graduan baharu yang menyertai program perantisan; dan
 - Geran sehingga RM4,000 untuk program latihan bagi perantis tersebut.
- Program eBelia 18 hingga 20 tahun (RM75 juta):
 - Mengkredit RM50 secara one-off ke dalam akaun e-wallet.
- Agenda Nasional Malaysia Sihat (RM19 juta).
- Membina, menaik taraf dan menyelenggara kemudahan sukan (RM103 juta).
- Pembangunan sukan berprestasi tinggi (RM55 juta):
 - Hoki, Ragbi, Badminton, Berbasikal, Pembangunan atlet wanita; dan
 - e-Sports(RM 15 juta).
- Pinjaman mudah TEKUN Sukan bagi pengusaha industri sukan (RM20 juta).
- Had pelepasan cukai pendapatan bagi gaya hidup dinaikkan daripada RM2500 kepada RM3000 dikhususkan bagi perbelanjaan pembelian peralatan sukan, bayaran kemasukan atau sewaan fasiliti sukan dan bayaran penyertaan pertandingan sukan.

Matlamat 1 Strategi 5: Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat

Langkah 1: Kesalinghubungan Digital

- Inisiatif Jalinan Digital Negara, JENDELA untuk 430 buah sekolah (RM500 juta).
- Membina dan menaik taraf infrastruktur digital (RM7.4 bilion).
- Projek rintis pemberian komputer riba kepada pelajar oleh GLIC dan GLC melalui Tabung CERDIK (RM150 juta).

Langkah 2: Akses Kepada Pendidikan Berkualiti

- Peruntukan keseluruhan Kementerian Pendidikan Malaysia (RM50.4 bilion).
- Rancangan Makanan Tambahan akan ditambah baik dengan penyediaan bekalan susu setiap hari persekolahan berbanding dua kali seminggu sebelum ini (RM420 juta).
- Kerja-karya penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan (RM800 juta).
- Menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 50 buah sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak (RM725 juta).
- 184 projek pembinaan dan pemasangan bekalan air telaga tiub baharu di luar bandar Sabah/ Sarawak.
- Memperkasa pendidikan khas (RM45 juta).
- Peruntukan keseluruhan Kementerian Pengajian Tinggi (RM14.4 bilion).
- Projek membaikpulih infrastruktur dan peralatan usang Universiti Awam (RM50 juta).
- Menaik taraf talian akses Malaysian Research & Education Network atau MYREN (RM50 juta).
- Skim BSN MyRinggit-I COMSIS iaitu skim pinjaman komputer riba (RM100 juta).
 - Melanjutkan pelepasan cukai sehingga RM8,000 bagi simpanan bersih Skim Simpanan Pendidikan Nasional sehingga tahun taksiran 2022.
 - Memperkasa bidang *Technical and Vocational Education and Training* atau TVET (RM 6 bilion).
 - Peruntukan bagi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran atau PTPK (RM300 juta).
- Menaikkan elaun Sistem Latihan Dual Nasional atau SLDN daripada RM625 kepada RM1,000 (RM60 juta).
 - Inisiatif Pendidikan Islam dan pembelajaran sepanjang hayat untuk institusi tahfiz dan sekolah pondok (RM29 juta).

Langkah 3: Meningkatkan Pemilikan Rumah

- Bagi terus menggalakkan pemilikan rumah, inisiatif berikut akan dilaksanakan:
 - Pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman pertama dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025. Had pengecualian duti setem bagi rumah kediaman pertama juga dinaikkan daripada RM300 ribu kepada RM500 ribu. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025; dan
 - Pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun lagi. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik yang disempurnakan mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025 bagi projek perumahan terbengkalai yang disahkan oleh KPKT.
- Perumahan yang selesa dan berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah (RM1.2 bilion):
 - Membina sehingga 14 ribu unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (RM500 juta);
 - 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB (RM315 juta);
 - Penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah (RM125 juta); dan
 - Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (RM310 juta).
- Menyediakan Skim Rent-to-Own (RM1 bilion).

Langkah 4: Kemudahan Pengangkutan

- Inisiatif pas perjalanan tanpa had My30 bagi perkhidmatan bas dan rel (RM300 juta).
- Pas perjalanan bulanan tanpa had dengan kos RM5 kepada anak-anak tahun 1 hingga tingkatan 6 yang berulang-alik ke sekolah dan golongan OKU. (Tren, komuter Lembah Klang, komuter utara, tren antara bandar Kuala Lipis dan Tumpat dan tren Sabah di jajaran Beaufort-Tenom).
- Perluasan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (RM150 juta).
- Pengecualian cukai jualan bagi pembelian bas siap (1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022).



Langkah 5: Pertahanan Negara dan Ketenteraman Awam

- Peruntukan bagi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri (RM16 bilion dan RM17 bilion).
- Peruntukan penyelenggaraan asset-aset utama ATM (RM2.3 bilion).
- Meningkatkan kawalan keselamatan siber negara (RM27 juta).
- Menyelenggara dan membina kemudahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RM500 juta).
- Menaik taraf kemudahan di pusat latihan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) (RM153 juta).

MATLAMAT 2: KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

Matlamat 2 Strategi 1: Memacu Pelaburan

Langkah 1: Pelaburan Dalam Sektor Utama

- Pakej galakan pelaburan bioteknologi dan bernilai tambah tinggi (RM1billion).
- Dana Teknologi Tinggi oleh Bank Negara Malaysia untuk menyokong syarikat teknologi tinggi dan inovasi (RM500 juta).
- Malaysia sebagai destinasi perkhidmatan bernilai tinggi:
 - Melonggarkan syarat galakan cukai untuk Hab Prinsipal dan galakan tersebut dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022;
 - Penurunan kadar cukai bagi penubuhan Global Trading Centre kepada kadar konsesi 10% bagi tempoh 5 tahun dan boleh diperbaharui bagi tempoh 5 tahun lagi;
 - Menaikkan had nilai jualan bagi aktiviti nilai tambah dan aktiviti tambahan yang dijalankan di Zon Perindustrian Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen daripada 10% kepada 40% daripada nilai jualan tahunan; dan
 - Melanjutkan layanan kadar cukai pendapatan istimewa pada kadar rata 15% untuk tempoh 5 tahun lagi kepada individu bukan warganegara yang memegang jawatan utama bagi pelaburan baharu strategik oleh syarikat yang memindahkan operasi ke Malaysia.
- Pelanjutan penawaran kadar cukai istimewa kepada syarikat pengilang terpilih yang memindahkan lokasi perniagaan ke Malaysia dan membuat pelaburan baharu dengan pemberian kadar cukai pendapatan 0 hingga 10% untuk tempoh 10 tahun.
 - Skop galakan cukai diperluas kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan terpilih.
- Galakan cukai untuk aktiviti MRO bagi aeroangkasa, pembinaan dan pembaikan kapal, status Bionexus dan galakan cukai bagi koridor pembangunan ekonomi dilanjutkan sehingga 2022.
- Skim Pembangunan Nasional (NDS) untuk menyokong pelaksanaan pembangunan rantai bekalan domestik (RM1.4 bilion).
 - Skim Pembangunan Maritim dan Logistik, Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan, Skim Infrastruktur Pelancongan dan Dana Pengangkutan Awam (RM3.7 bilion) dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023.
 - Daripada keseluruhan skim-skim tersebut, RM500 juta dikhususkan untuk usahawan Bumiputera.
 - Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar untuk PKS terkesan (RM2 bilion).

Langkah 2: Penambahbaikan Persekitaran Perniagaan

- Menambah baik infrastruktur kawasan perindustrian:
 - Penyelenggaraan infrastruktur kawasan perindustrian (RM100 juta);
 - Menambah baik kesalinghubungan internet di 25 kawasan perindustrian di bawah program JENDELA (RM42 juta);
 - Loji rawatan air di daerah Kubang Pasu bagi menyokong keperluan pelaburan projek Zon Ekonomi Sempadan Khas Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan
 - Memenuhi keperluan pembekalan air bagi sektor petrokimia yang tertumpu di zon perindustrian Gebeng (RM45 juta).
- Pelaksanaan kemudahan AEO dan peluasan akreditasi AEO kepada pembekal perkhidmatan logistik dan operator gudang.
- Mewujudkan satu platform dalam talian yang menghimpunkan 43 agensi pengeluar permit dan lesen dagangan.

Langkah 3: Inisiatif Sains, Teknologi dan Inovasi

- Aktiviti R&D untuk menyokong perkembangan teknologi (RM400 juta).
- Galakan cukai bagi aktiviti pengkomersialan hasil R&D diperkenalkan semula dan diperluaskan kepada universiti swasta.
- Program Malaysia Techlympics dan Science Space (RM20 juta).
- Penyelidikan berkaitan penyakit berjangkit melalui Sukuk PRIHATIN (RM100 juta).
- Sumbangan Top Glove, Hartalega, Supermax dan Kossan terhadap tanggungjawab sosial korporat (RM400 juta).

Langkah 4: Barangan Buatan Tempatan

- Penggalakan penghasilan dan pembelian produk buatan tempatan:
 - Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik serta program Beli Barangan Buatan Malaysia (RM25juta);
 - Program latihan dan bantuan penjualan serta peralatan digital di bawah Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro (RM150juta);
 - Inisiatif Shop Malaysia Online (RM150juta); dan
 - Misi Perdagangan dan Pelaburan (RM35juta).

- Pemerkasaan Program Perjanjian *Off-Take* Kementerian Kesihatan.
- Pemberian galakan kadar cukai pendapatan antara 0 hingga 10% untuk 10 tahun pertama bagi menggalakkan pelaburan syarikat farmaseutikal.

Matlamat 2 Strategi 2: Memperkukuhkan Sektor-sektor Tumpuan

Langkah 1: Pemerkasaan Sektor Pertanian

- Inisiatif utama bagi sektor pertanian dan industri makanan:
 - Peluasan Program Kebun Komuniti (RM30 juta);
 - Pelaksanaan Projek Pertanian Organik (RM50 juta);
 - Pelaksanaan Program Ladang e-Satelit (RM10 juta);
 - Pembiayaan di bawah Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan untuk menaik taraf peralatan, pukat dan bot (RM5 juta);
 - Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (RM60 juta);
 - Program Pengembangan Akuakultur (RM10 juta);
 - Projek pertanian dan Penternakan berimpak dan bernilai tinggi (RM100 juta).

Langkah 2: Pembangunan Sektor Komoditi

- Memperkukuh kelangsungan pelbagai sektor komoditi:
 - Program pemilikan sijil Minyak Sawit Mampan (RM20 juta);
 - Geran padanan untuk mekanisasi dan automasi. (RM30 juta)
 - insentif pengeluaran lateks secara padanan (RM16 juta); dan
 - Membuka kawasan perindustrian perabot di Pagoh.
- Program Pinjaman Pembangunan Ladang Hutan (RM500 juta).

Langkah 3: Kelangsungan Industri Pelancongan

- Program latihan dan penempatan semula kakitangan syarikat penerbangan Malaysia (RM50 juta).
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada 500 orang daripada komuniti setempat dan Orang Asli.
- Penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan (RM50 juta).
- Menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi Kampung-Kampung Budaya di negeri Terengganu, Melaka, Sarawak dan Negeri Sembilan (RM20 juta).
- Pemeliharaan bangunan warisan kebangsaan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara (RM10 juta).
- Malaysia Healthcare Travel Council (RM35 juta).
- Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak RM1,000 akan diberikan kepada peniaga dan penjaja di Sabah. Geran khas ini juga akan diberikan kepada pemandu teksi, e-hailing, kereta sewa dan pemandu pelancong di Sabah.

Matlamat 2 Strategi 3: Mengutamakan Automasi dan Pendigitalan

- Skim Transformasi Pendigitalan Industri (RM1 bilion).
- Skim Geran Pendigitalan SME dan Geran Automasi. Syarat kelayakann turut dilonggarkan kepada PKS mikro dan syarikat pemula (RM150 juta).

Matlamat 2 Strategi 4: Memudah Akses Perniagaan

Langkah 1: Pembiayaan Kredit Mikro

- Pembiayaan Skim Lestari Bumi untuk beranjak ke kategori lebih tinggi (RM300 juta).
- Platform Jana Niaga untuk pembayaran digital rantaian bekalan melalui EXIM Bank (RM300 juta).
- Pelaburan padanan untuk menyokong platform peer-to-peer atau P2P (RM50 juta).

- Pembiayaan kredit mikro melalui TEKUN Nasional, Agrobank, BSN dan institusi kewangan lain (RM1.2 bilion).
- Pembiayaan Perbelanjaan modal kerja, peningkatan sistem automasi dan peralatan serta perbelanjaan berkaitan pelaksanaan pematuhan SOP COVID-19 (RM230 juta).

Langkah 2: Jaminan Pinjaman

- Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (RM10 bilion).
- Skim Jaminan Prihatin Danajamin (RM3 bilion).
- Penggubalan Akta Kredit Pengguna untuk menyediakan kerangka kawal selia aktiviti berkaitan pemberian kredit pengguna dan memperkukuh penyeliaan.

Langkah 3: Pembiayaan Alternatif

- Pengecualian cukai pendapatan 50% daripada amaun pelaburan atau terhad kepada RM50,000.
- Geran padanan untuk platform *Equity Crowd Funding* (ECF) (RM30 juta).

MATLAMAT 3: KETAHANAN EKONOMI

Matlamat 3 Strategi 1: Belanjawan Pengembangan

- Perbelanjaan terbesar sebanyak RM322.5 bilion bagi tahun 2021.

Langkah 1: Perbelanjaan dengan Pegganda Tinggi

- Peruntukan kepada kontraktor kelas G1 hingga G4 bagi menjalankan projek kecil dan sederhana (RM2.5 bilion).
- Melanjutkan tempoh kelonggaran prosedur perolehan sehingga 31 Disember 2021 bertujuan untuk mempercepat pelaksanaan projek pembangunan.
- Akses pembiayaan kepada kontraktor pembinaan di bawah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres, SPiKE (RM50 juta).

Langkah 2: Kemampanan Hasil Kerajaan

- MultiAgency Task Force untuk membasmi aktiviti penyeludupan diperkasakan dengan penyertaan SPRM dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional.
- Melaksanakan langkah-langkah berikut:
 - Membekukan pengeluaran lesen import rokok baharu;
 - Memperketat pembaharuan lesen import rokok melalui semakan semula syarat lesen termasuk mengenakan kuota import;
 - Mengehadkan aktiviti transshipment rokok kepada pelabuhan tertentu sahaja;
 - Menganakan cukai dengan kemudahan pulang balik atau drawback ke atas semua rokok import bagi tujuan transshipment dan eksport semula;
 - Tidak membenarkan aktiviti transshipment dan eksport semula rokok menggunakan bot kumpit; dan
 - Menganakan cukai ke atas rokok dan produk tembakau di semua Pulau Bebas Cukai.
- mengenakan duti eksais ad valorem pada kadar 10% ke atas semua jenis peranti rokok elektronik dan bukan elektronik berkuat kuasa 1 Januari 2021.

Matlamat 3 Strategi 2: Agenda Pembangunan di Bawah RMK-12

Langkah 1: Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan

- melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan bagi meningkatkan kemudahan rakyat (RM15 bilion):
 - Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru dan Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa Pertama; dan
 - Sistem Transit Rapid dari Johor Bahru ke Woodland, Singapura dan MRT3 di Lembah Klang.
- Meneruskan Projek High Speed Rail (HSR).
- Projek baharu (RM3.8 bilion):
 - Projek pembinaan Jambatan Klang Ke-3;
 - Projek Central Spine Road;
 - Menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang, Terengganu;
 - Menaik taraf Jalan Persekutuan menghubungkan Gerik, Perak ke Kulim, Kedah;
 - Membina dan menaik taraf lingkaran Pulau Indah, Klang;
 - Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo bagi pakej dari Serusop ke Pituru; dan
 - Projek Jalan Pintasan Cameron Highlands, Pahang.

Langkah 2: Keseimbangan Pembangunan Antara Wilayah

- Projek-projek pembangunan bagi lima koridor wilayah (RM780 juta):
 - Sistem Pengangkutan Bas Rapid Transit di 3 Laluan Berkapasiti Tinggi dan Pembinaan "Busway" di kawasan pembangunan IRDA, Johor;
 - Pembinaan Jambatan Palekbang ke Kota Bharu, Kelantan di bawah ECER;
 - Pembinaan infrastruktur dan komponen projek Zon Pembangunan Khas di Yan dan Baling Kedah di bawah NCER;
 - Projek Infrastruktur di Kawasan Perindustrian Samalaju, Sarawak di bawah SCORE; dan
 - Penyambungan Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, Sabah di bawah SDC.
- Galakan cukai sedia ada bagi Koridor Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Iskandar Malaysia dan Koridor Pembangunan Sabah dilanjutkan sehingga 2022.

- Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru Ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka (RM150 juta).
- Meneruskan pembangunan Kwasa Damansara dengan nilai pembangunan kasar RM50 bilion.
- Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Sabah dan Sarawak sebanyak RM5.1 bilion dan RM4.5 bilion.

Matlamat 3 Strategi 3: Memperkasa Peranan GLC & Masyarakat Sivil

Langkah 1: Penyampaian Perkhidmatan Alternatif

- Geran padanan dengan sumbangan daripada GLC (RM100 juta):
 - Program penjana pendapatan dan peningkatan kualiti hidup kumpulan rentan (RM50 juta);
 - Inisiatif menangani isu sosial (RM30 juta); dan
 - Inisiatif pemeliharaan alam sekitar (RM20 juta).
- Program pembangunan perusahaan sosial (RM20 juta)

Matlamat 3 Strategi 4: Menjamin Kelestarian Sumber

Langkah 1: Agenda Matlamat Pembangunan Lestari

- Dana Amanah Malaysia-SDG atau MySDG Fund untuk menyelaras pembiayaan dari sumber awam dan swasta (RM20 juta).
- Program SDG olrh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (RM5 juta).

Langkah 2: Kewangan Lestari

- Bon Kelestarian untuk tujuan alam sekitar dan sosial.
- Pengecualian cukai pendapatan ke atas sukuk *Green Sustainable and Responsible Investment* atau Sukuk Hijau SRI akan diperluas kepada semua jenis sukuk SRI dan dilanjutkan sehingga tahun 2025.

- Dana Green Technology Financing Scheme 3.0 oleh Danajamin (RM2 bilion)

Langkah 3: Pemuliharaan Alam Sekitar

- Inisiatif memulihara alam sekitar:
 - menangani isu sampah dan sisa pepejal yang terperangkap di sungai (RM50 juta);
 - aktiviti penguatkuasaan pemantauan kualiti alam sekitar (RM40 juta);
 - Projek Integrated Island Waste Management (RM10 juta);
 - Meningkatkan pemberian TAHAP kepada semua Kerajaan Negeri (RM400 juta) dan *Ecological Fiscal Transfer* (RM70 juta) sebagai insentif tambahan; dan
 - program penanaman pokok bakau serta spesis pokok lain di pesisiran pantai.
- Program SAVE2.0 iaitu e-Rebate RM200 untuk peralatan elektrik cekap tenaga (RM30 juta).
- Menyokong inisiatif menggunakan bas awam yang menggunakan *hydrogen fuel cells*.
- Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti dengan pengambilan bekas tentera dan polis serta orang asli untuk menjalankan rondaan (RM20 juta).

Matlamat 3 Strategi 5: Perkhidmatan Awam

Langkah 1: Pernerakaan Penyampaian Perkhidmatan Awam

- Memaksimumkan penggunaan ruang digital melalui pendekatan *paperless*.
- Membina UTC di Lembah Pantai dengan kerjasama pihak swasta.
- Menambah bilangan kiosk untuk beberapa perkhidmatan utama Jabatan Pengangkutan Jalan.
- Menaik taraf infrastruktur serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi di Kementerian Luar Negeri serta pendigitalan perkhidmatan konsular Malaysia di luar negara. (RM14 juta).

Langkah 2: Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti di Malaysia

- meneruskan pengambilan baharu 100 orang pegawai SPRM.
- Ganjaran bagi penyalur maklumat tentang sebarang salah laku dan pelanggaran undang-undang.

Langkah 3: Kebajikan Penjawat Awam

- Menambah baik kemudahan elaun anggota perkhidmatan awam:
 - kenaikan kadar elaun RM6 kepada RM8 sejam kepada lebih 1,900 Pegawai Bomba Bantuan;
 - Skim Perlindungan Kemalangan Diri percuma sehingga RM100 ribu kepada peminjam baharu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.
- pemberian one-off sebanyak RM500 kepada pesara polis yang menerima Pingat Jasa Pahlawan Negara.
- Bantuan Khas Kewangan pada awal 2021:
 - RM600 untuk kakitangan awam Gred 56 ke bawah; dan
 - RM300 untuk pesara Kerajaan dan veteran tidak berpencen.